



**SEBAHAGIAN** daripada sukarelawan Sahabat Jariah yang menyertai program sumbangan barangan keperluan di Kampung Kuala Senta, Bidor baru-baru ini.

## Sahabat Jariah santuni penduduk Orang Asli Bidor

**SUMBANG.** Sekumpulan sukarelawan daripada pertubuhan bukan kerajaan, Sahabat Hijrah Malaysia (Sahabat Jariah) telah menyumbangkan bantuan barangan keperluan kepada penduduk perkampungan Orang Asli di Kampung Kuala Senta, Bidor, Perak baru-baru ini.

Sumbangan berkenaan adalah sebahagian daripada kerja amal yang dijalankan Sabahat Jariah

bagi menyantuni masyarakat luar bandar selain mengetahui masalah yang dialami mereka sekali gus diberi bantuan.

Pengerusinya, Johan Halid berkata, ini adalah kali pertama Sahabat Jariah berkunjung ke perkampungan Orang Asli itu.

“Sebelum ini kami kerap mengadakan program amal di beberapa kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia,” katanya.